

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Sempena

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
PERSEFAHAMAN
ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MALAYSIA
DAN
UNIVERSITAS ISLAM MALANG, INDONESIA**

3 APRIL 2023| ISNIN| 9 PAGI

UiTM SHAH ALAM

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirahmanirrahim

**Alhamdulillahi rabbil alamin, Wassolatuwassalamu ala
ashrafil anbiya iwar mursolin waala alihī wasahbihi
ajmain.**

Yang Berbahagia Profesor Dr. H. Maskuri

Rektor Universitas Islam Malang, Indonesia,

**Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Nor Hafizah
Mohamed Harith**

Dekan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi

Timbalan-timbalan Rektor dan Dekan, Ketua-ketua unit,
staf, urus setia dan wakil UNISMA serta FSPPP, UiTM.

[SALUTASI - KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara **Universitas Islam Malang, Indonesia** dan **Universiti Teknologi MARA, Malaysia**.
2. Saya bagi pihak UiTM berbesar hati dan mengalu-alukan kedatangan semua delegasi dari UNISMA ke UiTM pada hari ini.
3. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak UNISMA yang menjadikan kerjasama hari ini sebagai acara yang bersejarah dan amat bermakna buat UiTM dan UNISMA. Semoga hubungan yang lebih erat dapat dibina ke arah mencapai matlamat utama, iaitu meraikan percambahan ilmu pengetahuan melalui kerjasama pintar dalam pelbagai disiplin.

Hadirin sekalian,

4. Objektif utama MoU antara UNISMA dan UiTM adalah untuk memelihara dan mempergiatkan kerjasama, khususnya dalam bidang pendidikan, menekankan kepakaran penyelidikan dan kolaborasi melibatkan pensyarah dan pelajar kedua-dua institusi.
5. Hubungan ini sebagai satu strategi untuk meningkatkan perkongsian global secara komprehensif. Agenda pembangunan yang berjaya memerlukan perkongsian inklusif di peringkat global, serantau dan nasional yang dibina atas prinsip, nilai serta matlamat bersama.
6. Skop kerjasama ini bukan sahaja akan memberi impak positif kepada penghasilan lebih banyak penerbitan untuk meningkatkan kersarjanaan, tetapi juga mengukuhkan lagi perancangan strategik terutamanya dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar melalui

kemahiran insaniah, komunikasi yang berkesan, keyakinan dan pembangunan kepimpinan.

7. Saya pasti, UiTM dan UNISMA akan terus melihat peluang-peluang lain yang boleh diterokai agar dapat direalisasikan secara optimum. Semoga kita dapat membantu antara satu sama lain dalam setiap program yang telah dirancang dan berjaya mencapai objektif untuk kebaikan yang lebih besar.

8. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada urus setia yang bertungkus-lumus memastikan majlis ini berjalan dengan lancar. Terima kasih sekali lg kepada pihak pengurusan FSPPP dan UNISMA atas sokongan dan komitmen yang diberikan.

**Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**

Terima kasih.